

01 JUL 1996

Rahim-Bela

KETUA PEMUDA UMNO MINTA MENTERI BESAR BANTU PROGRAM BELA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik akan meminta kerjasama Menteri Besar dan Ketua Menteri sebagai pengerusi Badan Perhubungan Umno untuk memberi maklumat yang diperlukan oleh ketua pemuda bahagian bagi menjayakan Program Pembelaan Rakyat (PPR).

Katanya perkara itu akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Majlis Teringgi Umno Sabtu ini.

Maklumat yang diperlukan itu terbahagi kepada empat kategori iaitu pengagihan tanah dan rumah kos rendah kepada rakyat miskin, inflasi dan bekalan makanan, penyediaan infrastruktur dan masalah sosial di setiap bahagian.

Rahim berkata melalui PPR semua ketua pemuda di 165 bahagian dikehendaki mengisi satu buku laporan dan menyatakan masalah utama bahagian masing-masing meliputi kategori terbabit.

Melalui program ini, kata beliau, Pergerakan Pemuda bertindak seolah-olah sebagai pengawas dalam proses pembangunan negara seperti apa yang dilaksanakan oleh kementerian, kerajaan negeri dan jabatan termasuk projek terbengkalai yang memerlukan perhatian pucuk pimpinan parti," katanya selepas melancarkan program itu di sini hari ini.

Ketua pemuda bahagian diberi tempoh enam minggu untuk menyediakan laporan mereka. Jawatankuasa peringkat pusat yang dipengerusikan oleh anggota Exco Pemuda akan membuat rumusan berdasarkan maklumat yang ada sebelum menyerahkannya kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jawatankuasa peringkat pusat terdiri daripada Jawatankuasa Pengagihan Tanah dan Perumahan Kos Rendah kepada Rakyat dipengerusikan oleh Datuk Abdul Fatah Iskandar, Jawatankuasa Inflasi dan Bekalan Makanan (Datuk Hishamuddin Onn), Jawatankuasa Penyakit Sosial (Datuk Zahari Wahab) dan Jawatankuasa Penyediaan Infrastruktur (Datuk Shaharuddin Muin).

Rahim berkata masalah yang akan diberi keutamaan ialah yang sudah lama tidak dapat diselesaikan oleh pihak bertanggungjawab. -- BERNAMA

NJ MAI